

Headline	Bahan bacaan lebih berat asah minda Melayu		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	19 Aug 2013	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	192,982
Page No	22	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	367 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 12,377
Frequency	Daily	PR Value	RM 37,131



Bahan bacaan lebih berat asah minda Melayu

Kecenderungan mampu bentuk budaya tinggi

Baru-baru ini saya diundang untuk menyampaikan hadiah kepada pemenang 'Popular-Berita Harian Anugerah Pilihan Pembaca.' Popular di sini merujuk kepada syarikat rangkaian kedai buku Popular yang sejak beberapa tahun yang lalu mula membuka rak buku di kedai rangkaianannya kepada buku Melayu.

Popular dengan kerjasama *Berita Harian* memberi peluang kepada pembaca untuk mengundi dan memilih buku kreatif dan bukan kreatif yang dianggap layak menerima anugerah pilihan pembaca.

Memasuki tahun keenam, sebanyak 40 judul buku dicalonkan untuk dipilih oleh pembaca. Bagi karya kreatif, buku yang dicalonkan termasuklah hasil tulisan Fauziah Ashari dan Suri Ryana. Sementara buku Tun Dr Mahathir Mohamad dan Azhar Idrus tercalon dalam kategori bukan kreatif.

Selain bekerjasama dengan *Berita Harian* untuk khalayak pembaca Melayu, Popular juga menjalin kerjasama dengan akhbar *The Star* bagi khalayak pembaca media cetak dalam bahasa Inggeris.

Dalam satu ceramah, seorang penerbit Melayu menceritakan pengalamannya untuk menjual buku-buku Melayu di rangkaian buku Popular. Itu berlaku pada peringkat awal beberapa tahun

yang lalu. Kemudian Popular menyedari bahawa ada permintaan tinggi terhadap buku Melayu.

Sejak itu Popular mula menjual buku Melayu, sesetengahnya diletakkan di rak yang utama dan strategik. Penerbit Melayu yang memberi ceramah itu akhirnya dengan bangga menyebut bahawa buku syarikatnya kini boleh didapati di rak utama dan strategik di rangkaian buku Popular. Beliau kini sudah menjadi jutawan.

Toko buku mega

Sungguhpun peranti elektronik yang berkembang pesat turut membekalkan teknologi maklumat dan perisian termasuk buku digital, penerbitan buku konvensional masih terus bernyawa.

Jika kita mengunjungi toko buku mega, kita akan melihat jumlah pembeli buku yang memberangsangkan. Toko buku mega itu biasanya menyewa ruang di pusat beli-belah utama yang mahal sewanya. Mereka dapat bertahan kerana hasil pulangan penjualan buku yang menguntungkan.

Akan tetapi kita secara umum kurang pasti, jenis buku apakah yang digemari oleh pembaca dan pembeli buku. Penjual buku mengetahuinya melalui rekod jualan yang bersifat setempat. Untuk mengetahui secara lebih menyeluruh, usaha Popular-Berita Harian ini adalah eksperimen yang baik. Pembaca dan pembeli akan menentukan jenis buku yang mereka gemari.

Berdasarkan pemilihan pembaca, penerbit dapat menjangkakan jenis buku yang diperlukan oleh pembaca. Bagaimanapun penerbitan dan perniagaan buku adalah lebih kompleks daripada itu.

Kekurangan buku

Menurut perangkaan Perpustakaan Negara Malaysia, kita masih kekurangan sekitar 10,000 judul buku baru seta-

Headline	Bahan bacaan lebih berat asah minda Melayu		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	19 Aug 2013	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	192,982
Page No	22	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	367 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 12,377
Frequency	Daily	PR Value	RM 37,131

hun yang diperlukan oleh pembaca kanak-kanak, remaja dan pembaca umum. Ini meliputi buku kreatif dan bukan kreatif yang serius dan yang popular.

Kita tidak boleh menyekat penerbitan buku popular yang menarik massa terutama remaja. Akan tetapi dalam masa yang sama kita harus mengembangkan kebiasaan membaca buku yang lebih serius yang membentuk budaya tinggi.

Adakah sebahagian besar pembaca Melayu masih memilih bacaan ringan dan popular seperti novel remaja, resipi masakan, majalah rekaan pakaian, hiasan dalaman dan seni taman, serta bimbingan asas fardu ain?

Atau pembaca Melayu pada

umumnya semakin banyak membaca buku yang lebih berat, umpamanya karya sastera, seni dan budaya serius, ilmu pengetahuan dalam pelbagai bidang, serta wacana keagamaan yang lebih mendalam?

Pertanyaan di atas hanya boleh dijawab oleh pembaca Melayu sendiri. Jawapannya akan memberi indikasi pada tahap mana minda kita berada, dan pada takah mana kita boleh bersaing dengan kaum lain, sama ada di Malaysia ini, pada peringkat rantau atau antarabangsa.

Tepat sekali slogan 'Bangsa Membaca Bangsa Berjaya' yang sentiasa diuar-uarkan oleh Perpustakaan Negara Malaysia. Sesiapa yang lebih berpengetahuan akan berkuasa, adalah ungkapan yang sudah sering didengar, dan selalu benar.

“Sungguhpun peranti elektronik yang berkembang pesat turut membekalkan teknologi maklumat dan perisian termasuk buku digital, penerbitan buku konvensional masih terus bernyawa”



E-mel ke bhrencana@bh.com.my

untuk berkongsi pendapat anda

“Menurut perangkaan Perpustakaan Negara Malaysia, kita masih kekurangan sekitar 10,000 judul buku baru setahun yang diperlukan oleh pembaca kanak-kanak, remaja dan pembaca umum”



Dr Anwar Ridhwan

Penulis
ialah Sasterawan Negara dan Pensyarah Fakulti Penulisan Kreatif ASWARA